

NO. SOALAN: 311

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**RUJUKAN : 10116**

**SOALAN :**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan masyarakat India tanpa kerakyatan (*stateless*) yang telah memohon untuk kad pengenalan dan kerakyatan dari tahun 2010 hingga 2017; dan menerusi kempen MyDaftar pada tahun 2017, anjuran SEDIC.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2010 hingga 30 Jun 2017, sebanyak 17,155 permohonan kewarganegaraan telah diterima daripada individu berketurunan India. Seramai 2,400 orang telah menghadiri Program MyDaftar yang telah dijalankan dari 5 hingga 22 Jun 2017 lalu. Daripada jumlah tersebut, JPN telah menerima sebanyak 367 permohonan merangkumi 91 urusan dokumen kelahiran, kematian dan anak angkat, 51 urusan kad pengenalan, 223 urusan kewarganegaraan dan 2 urusan perkahwinan. Manakala sebanyak 701 permohonan tidak lengkap dan 1,338 urusan yang lain pula hanya melibatkan pertanyaan serta khidmat nasihat.**